



# e-BULETIN

Edisi Januari 2022

kpfrasmi | arrahnkpf

www.kpf.my



Pengerusi Kumpulan KPF, YH. Dato' Amir Hamdan Yusof sedang berucap.

## KEIKHLASAN TUNJANG KEJAYAAN - PENGERUSI KUMPULAN

Keikhlasan, anggota dan petugas adalah tiga komponen yang perlu perhatian khusus bagi memastikan Koperasi Permodalan Felda (KPF) dan kumpulan terus mencapai kejayaan, kata Pengerusi Kumpulan YH. Dato' Amir Hamdan Yusof.

Beliau berkata manusia diciptakan dengan fitrah ikhlas dan diberikan kesempurnaan. Ikhlas sangat berkait rapat dengan nilai integriti yang sepatutnya ada di setiap petugas yang berkhidmat di Kumpulan KPF.

**“Anggota umpama majikan kerana simpanan yang dilaburkan di KPF menjadi modal bagi aktiviti pelaburan dan perniagaan. Justeru, petugas perlu melaksanakan amanah tersebut dengan sebaiknya,”** katanya semasa berucap di program Roll Call Kumpulan KPF pada 19 Januari 2022.

Dalam pada itu juga, kebijakan petugas perlulah dipelihara dengan cermat agar kualiti kerja ditingkatkan dan suasana kerja berlangsung dengan kondusif.



Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Puan Sakinah Salleh turut menyampaikan pesanan agar setiap syarikat melakukan transformasi untuk kekal relevan dan memberikan pulangan yang baik, sesuai dengan aktiviti perniagaan yang selaras dengan norma baru.

Beliau menjangkakan kerja audit yang dilaksanakan oleh Tetuan Salihin yang baru dilantik selesai menjelang bulan April agar Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan boleh diadakan pada bulan Jun seperti kelaziman.

Turut berlangsung semasa program tersebut adalah pelancaran Skuad Amal Kumpulan KPF (G-KPF) yang ditubuhkan untuk memberi bantuan kemanusiaan kepada mangsa bencana alam, khususnya yang melibatkan anggota dan petugas.



Gimik pelancaran Skuad Amal Kumpulan KPF.



Sesi fotografi bersama Pengurus Kumpulan KPF.